

PROGRAM KAMI

Pemindahan hati kini telah diterima sebagai rawatan standard untuk pesakit tahap akhir penyakit hati, kegagalan hati akut dan kes-kes tertentu karsinoma hepatoselular (kanser hati utama). Perkembangan ubat immunosupresif yang berkesan dan penghalusan teknik pembedahan telah membawa kepada peningkatan luar biasa dalam kejayaan jangka panjang pemindahan hati.

Program Pemindahan Hati Hospital Universiti Kebangsaan (NUH) ditubuhkan pada 1990. Ia terdiri daripada kedua-dua program pemindahan hati pediatrik dan dewasa.

PASUKAN KAMI

Pasukan Pemindahan Hati NUH terdiri daripada sekumpulan pakar pelbagai disiplin yang merangkumi pakar bedah, pakar pemindahan hepatologi, pakar kanak-kanak, pakar bius, pakar radiologi, pakar rawatan intensif, penyelaras pemindahan, jururawat, pekerja sosial, pakar diet dan banyak lagi. Pasukan kami menyediakan penjagaan yang menyeluruh, berdedikasi dan peribadi kepada pesakit pemindahan kami. Penyelaras pemindahan memainkan peranan penting sebagai penghubung langsung dan peribadi antara pasukan pemindahan dan pesakit.


**BERIKAN
HADIAH
SEBUAH
KEHIDUPAN.**

**DAN SATU
NAFAS
BAHARU KEPADA
KEHIDUPAN.**

UNTUK MAKLUMAT LANJUT

Sila hubungi penyelaras pemindahan kami di
Tel: (65) 67722930 / (65) 67724439
Faks: (65) 67787913 / (65) 67745212
E-mel: nucot@nuhs.edu.sg
Laman web : www.nuh.com.sg/nucot

National University Hospital
5 Lower Kent Ridge Road
Singapore 119074
Tel: (65) 6779 5555 Faks: (65) 6779 5678
Laman web : www.nuh.com.sg
No. Pendaftaran Syarikat 198500843R

 "LIKE" kami di Facebook
fb.com/NationalUniversityHospital



Maklumat yang diberikan dalam penerbitan ini adalah untuk tujuan pendidikan semata-mata dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti bagi diagnosis atau rawatan perubatan. Anda perlu mendapatkan nasihat daripada doktor anda atau pembekal penjagaan kesihatan yang berkelayakan sebelum memulakan sebarang rawatan atau jika anda mempunyai sebarang soalan yang berkaitan dengan kesihatan anda, kecergasan fizikal atau masalah kesihatan.

Maklumat adalah betul pada masa percetakan (October 2014).



**PROGRAM
PEMINDAHAN HATI**

MEMAHAMI PEMINDAHAN HATI

Pemindahan hati adalah penggantian hati yang berpenyakit dengan graf hati yang sihat melalui pembedahan. Pesakit yang memerlukan pembedahan ini mengalami penyakit hati tahap akhir (sirosis), yang mempunyai ciri-ciri penyakit kuning(kekuningan di mata dan kulit), asites (pengumpulan cecair di bahagian perut), ensefalopati (kekeliruan atau koma) pendarahan variseal dan keletihan. Pesakit dengan sirosis hati juga berisiko mengidapi karsinoma hepatoselular (kanser hati utama).


PENYEBAB KEGAGALAN HATI


Pelbagai penyakit hati boleh membawa kepada kegagalan hati tahap akhir. Sebahagian daripada sebab-sebab ini termasuk virus (Hepatitis B dan C), ubat toksik atau bahan kimia, penggunaan arak yang berlebihan, gangguan genetik dan metabolik, dan keadaan yang melibatkan duktus hempedu (atresia biliari, sirosis biliari utama dan sklerosis utama - kolangitis).


Pemindahan hati menjadi pilihan yang sesuai apabila pesakit memasuki penyakit hati tahap akhir. Pesakit kemudiannya dirujuk kepada Penyelaras Pemindahan Hati yang akan mengaturkan supaya pesakit dinilai oleh pasukan pemindahan hati.

PENILAIAN DAN TEMPOH MENUNGGU UNTUK PENDERMA YANG BERSESUAIAN

Sebelum pemindahan, pasukan pemindahan hati pelbagai disiplin akan menilai bakal penerima hati.

 Pelbagai ujian dijalankan untuk mengesahkan diagnosis, menilai tahap dan keterukan penyakit, dan menentukan kesesuaian bagi pemindahan hati.

 Pesakit dan keluarga mereka dapat mengenali pasukan pemindahan dengan lebih baik dan juga sebaliknya.

 Pesakit dan keluarga mereka mendapat peluang untuk bertanya dan mempelajari lebih lanjut mengenai pemindahan.

Setelah penilaian selesai dan keseluruhan pasukan pemindahan hati bersetuju bahawa pemindahan adalah pilihan rawatan yang tepat, pesakit akan diletakkan dalam senarai menunggu untuk pemindahan. Tempoh menunggu bergantung kepada kumpulan darah, saiz badan, dan keadaan kesihatan pesakit secara am. Secara purata, waktu menunggu bagi seorang calon Singapura ialah enam bulan tetapi selalunya pesakit mungkin menunggu lebih lama.

HATI YANG BARU

Penderma hati terdiri daripada dua sumber:-

PENDERMA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

Biasanya, hati diperolehi daripada penderma yang telah meninggal dunia— orang yang disahkan sebagai mati otak tetapi masih mengekalkan fungsi sistem badan dan organ-organ. Di Singapura, warga negara Singapura dan Penduduk Tetap yang berumur lebih daripada 21 tahun, dan yang tidak mengalami gangguan

mental, secara automatik termasuk dalam Akta Pemindahan Organ Manusia (HOTA) melainkan mereka memilih untuk dikecualikan.

PENDERMA YANG MASIH HIDUP

Hati penderma juga boleh diperolehi daripada penderma yang masih hidup seperti seseorang yang mempunyai hubungan biologi / emosi ataupun seorang yang tidak dikenali (penderma altruistik) yang bersedia untuk menderma sebahagian daripada hatinya kepada pesakit.

PEMBEDAHAN

Pembedahan pemindahan hati mengambil masa 6 hingga 12 jam. Semasa proses tersebut, pakar bedah akan membuat potongan di bawah tulang rusuk pesakit untuk mengeluarkan hatinya (hepatektomi sepenuhnya) dan menggantikannya dengan hati penderma (penempelan). Selepas saluran darah disambung, aliran darah akan dipulihkan dan pasukan pembedahan akan mengawal sebarang pendarahan sebelum pembedahan itu ditutup. Semasa pembedahan, pesakit berada di bawah jagaan sepasukan pakar bedah, pakar bius, jururawat, dan kakitangan teknikal yang lain. Selepas pembedahan, pesakit dibawa terus ke Unit Rawatan Intensif (ICU).

Selepas pembedahan, pesakit perlu mula mengambil ubat untuk mengelakkan hati baru daripada ditolak oleh badan. Pemulihan sepenuhnya mungkin mengambil masa beberapa minggu. Mutu kehidupan bagi pesakit pemindahan biasanya meningkat secara dramatik dan kebanyakan daripada mereka menjalani kehidupan yang sihat dan normal.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

PEMINDAHAN HATI PENDERMA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA


PEMINDAHAN HATI SEPENUHNYA

Hati yang berpenyakit dikeluarkan dan digantikan dengan keseluruhan hati yang sihat.

PEMINDAHAN HATI MELALUI PEMBAHAGIAN

Kemajuan dalam teknik pengurangan hati telah membolehkan kami membahagikan seluruh hati penderma yang telah meninggal dunia antara seorang pesakit dewasa dan seorang pesakit kanak-kanak; atau antara dua orang dewasa, lalu menyelamatkan dua nyawa.

PEMINDAHAN HATI PENDERMA YANG MASIH HIDUP

 Dalam program kami, apabila hati seseorang yang telah meninggal tidak dapat diperolehi, hati penderma yang masih hidup ditawarkan kepada pesakit. Semua bakal penderma diperiksa dengan teliti untuk memastikan bahawa mereka dalam keadaan fizikal yang sihat dan tidak akan didatangi kemudaratan melalui tindakan menderma.

DEWASA KEPADA KANAK-KANAK

Kebanyakan penderma pemindahan hati yang masih hidup adalah daripada ibu bapa kepada anak-anak. Biasanya, sejumlah lebih kurang 25% daripada lobus kiri hati penderma (salah seorang ibu bapa) diberikan kepada anak tersebut.

DEWASA KEPADA DEWASA

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kadar kematian pada senarai menunggu untuk pesakit dewasa kian meningkat. Oleh itu, pemindahan hati lobus kanan penderma dewasa yang masih hidup kepada seorang pesakit dewasa ditawarkan.

KLINIK PESAKIT LUAR PEMINDAHAN HATI PRA PEMINDAHAN / SELEPAS PEMINDAHAN

Pesakit dalam senarai menunggu dan mereka yang telah menjalani pemindahan hati akan terus berjumpa dengan doktor dan penyelaras pemindahan dalam klinik ini untuk penjagaan berterusan.